



TEKS  
KHUTBAH  
NEGERI PAHANG  
FEBRUARI 2026



## PERSEDIAAN MENYAMBUT RAMADAN

13 FEBRUARI 2026M | 25 SYAABAN 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ كُتُبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِنِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷺ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷺ di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Kurang seminggu daripada sekarang kita bakal menyambut kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak. Pada zaman Rasulullah ﷺ, para sahabat begitu menanti-nantikan kedatangan bulan ini kerana ia penuh dengan kelebihan dan keistimewaan yang tidak ada pada bulan-bulan yang lain.

Marilah kita menghayati apakah perkara yang wajar kita lakukan menjelang tibanya bulan Ramadan. Perkara utama yang mesti didahulukan adalah puasa qada iaitu puasa ganti. Ia wajib ditunaikan mengikut jumlah puasa yang ditinggalkan. Kewajipan melunaskan hutang puasa ini dijelaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 184:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّهُ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى  
الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ وَفِدْيَةٌ طَعَامٌ مِسْكِينٌ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا  
خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ١٨٤

**Yang bermaksud:** “Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa (ganti) sebanyak itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang yang tidak mampu berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang



*miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (fidyah) lebih daripada yang ditentukan, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (namun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala**

Sebelum kita memasuki bulan Ramadan, perbetulkanlah dulu niat kita dan tetapkanlah azam untuk beribadah bersungguh-sungguh pada bulan Ramadan nanti.

Bersihkanlah hati daripada segala sifat-sifat keji terhadap Allah Taala dan sesama makhluk. Marilah kita mulakan dengan bertaubat atas dosa yang kita lakukan sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللَّهِ، فَإِنِّي أَتُوبُ فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مِائَةَ مَرَّةٍ

**Yang bermaksud:** “Wahai manusia, bertaubatlah kepada Allah, sesungguhnya aku juga bertaubat kepada-Nya dalam sehari seratus kali.”

Ibn Rajab al-Hanbali menegaskan kepentingan bertaubat sebelum memasuki bulan Ramadan dengan katanya, “bagaimana mungkin seseorang mengharapkan keampunan dalam Ramadan sedangkan dia belum membersihkan dosanya sebelum itu?”



Demikian juga, jauhilah sifat keji terhadap manusia seperti hasad dengki, dendam, benci, buruk sangka, panas baran dan sebagainya. Hendaklah kita selesaikan hak-hak sesama manusia seperti meminta maaf atas salah dan silap yang pernah kita lakukan dan membayar hutang dengan orang lain sekiranya ada.

Binalah akhlak mulia dan kawallah tingkah laku menjelang Ramadan ini. Elakkanlah membuang masa dengan perkara tidak berfaedah dan mendatangkan dosa seperti berkunjung ke tempat maksiat dan melihat perkara yang haram. Demikian juga, jagalah lidah daripada tutur kata keji, mengumpat dan memfitnah. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi:

لَيْسَ الصِّيَامُ مِنَ الْأَكْلِ وَالشُّرْبِ فَقَطْ إِنَّمَا الصِّيَامُ مِنَ اللَّعْوِ وَالرَّفِثِ

**Yang bermaksud:** “Puasa bukanlah hanya menahan diri daripada makan dan minum, akan tetapi puasa adalah dengan menahan diri daripada perkataan yang melalaikan dan perkataan keji.”

Di samping itu, kita juga perlu membuat persiapan ilmu bagi memahami hukum-hakam berpuasa. Hadirilah pengajian-pengajian agama di masjid, surau atau pusat-pusat pengajian dan buatlah pembacaan tambahan untuk memahami perkara tersebut.



Sesuai dengan nama jolokannya ‘Bulan Ibadah’, maka lazimkanlah diri kita dari sekarang dengan amal ibadah seperti puasa sunat, beriktikaf di masjid, solat tahajud, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala**

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, ada beberapa perkara yang kita perlu ambil perhatian dan laksanakan untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan yang mulia:

Pertama, perbetulkan niat kita dan berazamlah untuk memperbanyakkan amal ibadah dalam bulan Ramadan nanti.

Kedua, sekiranya masih ada puasa yang tertinggal sebelum ini, gantilah segera. Pastikan isteri dan anak-anak telah menggantikan puasa mereka.

Ketiga, bertaubat dan mohonlah keampunan daripada Allah ﷺ mogamoga kita memasuki bulan Ramadan dengan diri yang suci bersih.

Keempat, tambahkan ilmu pengetahuan mengenai puasa supaya kita melakukannya dalam keadaan kita berilmu.

Marilah kita semua memperbanyakkan doa semoga dipanjangkan usia kita semua oleh Allah ﷺ dan dikurniakan kesihatan untuk kita dapat



bersedia secara fizikal dan juga mental untuk menjalani ibadah Ramadan tahun ini. Banyakkan berdoa seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ

**Yang bermaksud:** “*Ya Allah berkatilah bagi kami pada bulan Rejab dan Syaaban serta berkatilah kami juga pada bulan Ramadan.*”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُحِبُّ دَعْوَةَ الْدَّاعِ إِذَا دَعَانِ  
فَلَيَسْتَجِيبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ<sup>١٨٦</sup>

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.